

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]

TARIKH : 21 Mac 2016

SOALAN : Dr. Noor Azmi bin Ghazali minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan apakah tindakan
Kementerian dalam menangani isu benih
padi CL2 tidak diiktiraf di pasaran
memandangkan hasil pengeluaran padi
dikatakan merosot apabila benih padi CL2
yang tidak diiktiraf digunakan oleh pesawah
dan adakah program NKEA berjaya
meningkatkan hasil pengeluaran padi di
daerah Kerian khususnya Parlimen Bagan
Serai.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan hanya mengiktiraf pengeluaran benih CL2 yang dikeluarkan oleh syarikat pengeluar benih yang dilantik di bawah Program Benih Padi Sah. Ini kerana benih padi CL2 perlu ditanam dan disembur racun OnDuty mengikut operasi standard yang telah ditetapkan dalam Sistem Pengeluaran Clearfield®. Sebarang pengeluaran benih padi sah yang tidak diiktiraf di pasaran tidak mendapat bantuan subsidi benih padi sah.

Kerajaan juga sedang mewujudkan peraturan baru di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 Akta 522 bagi seperti berikut:-

- i) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi Dan Beras
(Pelesenan Loji Pemprosesan Benih Padi)
- ii) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi Dan Beras
(Pelesenan Peruncit Benih Padi)

Program NKEA berjaya meningkatkan hasil pengeluaran padi di daerah Kerian yang mempunyai keluasan 2,208.58ha dengan hasil pengeluaran sebanyak 7331.33mt bagi musim 2/2014 dan purata pengeluaran adalah 3.32mt. Manakala bagi musim 1/2015, hasil pengeluaran meningkat kepada 10,203.452mt dengan purata pengeluaran sebanyak 4.62mt.